

BAB 6

ANALISIS DATA & DAPATAN KAJIAN 3: AIZUCHI

6.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan analisis data dan dapatan mengenai *aizuchi* dengan lebih khusus, iaitu fungsi-fungsi *aizuchi*, jenis-jenis *aizuchi*, kekerapan penggunaan *aizuchi* serta perbezaan penggunaan *aizuchi* di dalam perbualan perorangan dan perbualan berkumpulan secara keseluruhannya.

6.2 Analisis Data 3

Aizuchi di dalam perbualan perorangan dan perbualan berkumpulan bukan sahaja akan dikira untuk melihat jumlah keseluruhan penggunaannya, tetapi penulis juga akan melihat kedudukan *aizuchi* sama ada pada awal, pertengahan atau akhir ujaran. Pengiraan *aizuchi* dibuat menggunakan perisian *Microsoft Word* seperti yang terdapat di dalam Bahagian 3.7. Berdasarkan kedudukan *aizuchi* tersebut, satu corak tertentu bagaimana jenis-jenis *aizuchi* terlibat di dalam perbualan akan dapat dilihat. Fungsi-fungsi *aizuchi* di dalam perbualan juga akan dapat dilihat dengan lebih terperinci. Graf dan rajah turut dimuatkan di dalam bab ini bagi menunjukkan jumlah keseluruhan *aizuchi* dan

jumlah jenis-jenis *aizuchi* yang terlibat di dalam perbualan perorangan dan perbualan berkumpulan.

6.3 Dapatan

Dapatan dari data perbualan menunjukkan terdapat kepelbagaian *aizuchi* yang digunakan di dalam perbualan ini. Penulis berpendapat *aizuchi* boleh digolongkan kepada beberapa kumpulan tertentu mengikut fungsi dan jenisnya.

Fungsi-fungsi *aizuchi* boleh didapati di dalam Bahagian 6.3.1 manakala jenis-jenis *aizuchi* pula di dalam Bahagian 6.3.2. Berdasarkan data perbualan bahasa Jepun ini, penulis telah mengelaskan fungsi *aizuchi* kepada 3 kumpulan utama yang bertindak sebagai ‘lampa isyarat’ bagi mengawal perbualan. Penulis juga mendapati terdapat empat jenis *aizuchi* iaitu *aizuchi* berganda, *aizuchi* pengulangan, *aizuchi haa* dan *hoo* serta *aizuchi* penutup.

Kekerapan penggunaan *aizuchi* di dalam perbualan bahasa Jepun pula boleh di dapati di dalam Bahagian 6.3.3. Kekerapan penggunaannya di dalam perbualan berkumpulan dan perbualan perorangan adalah berbeza. Penutur dan pendengar bahasa Jepun lebih kerap memberi *aizuchi* di dalam perbualan perbincangan perorangan. Seterusnya, jumlah dan perbezaan *aizuchi* di dalam sesi perbincangan berkumpulan dan perbincangan perorangan boleh di dapati di dalam Bahagian 6.3.4 dan 6.3.5. Akhir sekali, penggunaan *aizuchi* pendek dan fungsinya dimuatkan di dalam Bahagian 6.3.6.

6.3.1 Fungsi-fungsi *Aizuchi*


Data kajian ini menunjukkan tiga fungsi *aizuchi*. Pertama seperti yang telah disebut di dalam Bab 5, *aizuchi* bertindak sebagai ‘lampa hijau’ yang menunjukkan penutur kedua atau pendengar sedang mendengar, dan sekali gus memberi isyarat kepada penutur semasa supaya penutur semasa meneruskan ujaran. Jenis *aizuchi* pada peringkat ini adalah *un*, *ee*, *a*, *hoo* dan *haa*.

Kedua, *aizuchi* berganda menunjukkan tahap ‘persetujuan’ atau ‘kefahaman’ pendengar terhadap idea penutur lebih mendalam dan penutur boleh meneruskan ujaran. Pendengar atau penutur kedua akan menggandakan *aizuchi*, misalnya *aizuchi un* menjadi *un un* atau *un un un*, *ee* menjadi *ee ee* atau *ee ee ee*, *hoo* menjadi *hoo hoo* atau *hoo hoo hoo* dan *haa* menjadi *haa haa* atau *haa haa haa*. Jika sebelum ini pendengar memberi *aizuchi un* atau *hai*, apabila penutur semakin bersemangat untuk memberi pendapat, pendengar akan memberi *aizuchi* berganda ini yang menunjukkan pendengar masih mendengar atau ‘memahami’ apa yang diperkatakan oleh penutur dan dengan itu penutur masih lagi boleh meneruskan ujaran. Pada peringkat ini *aizuchi* masih lagi bertindak sebagai ‘lampa hijau’.

Ketiga, ia berfungsi sebagai ‘lampa kuning’ iaitu menghantar isyarat kepada penutur semasa bahawa pendengar telah mendengar dan telah ‘memahami’ isi ujaran penutur, oleh itu penutur boleh menghentikan ujaran kerana pendengar ingin mengambil giliran atau memberi giliran bercakap kepada orang lain.

Aizuchi ‘lampa kuning’ atau *aizuchi* penutup ini biasanya ditandai dengan nada tinggi atau ujaran *hai*, *aa* atau *naru hodo*.

Ketiga-tiga fungsi *aizuchi* dan hubungannya di antara satu sama lain boleh dilihat melalui Rajah 6.1 di bawah.



Rajah 6.1: Aliran *Aizuchi* dan Ujaran

Rajah 6.1 menunjukkan bagaimana *aizuchi* berfungsi bagi membolehkan penutur meneruskan ujaran. Aliran anak panah besar dari atas ke bawah menunjukkan aliran *aizuchi* oleh P (iaitu pendengar) yang seiring dengan aliran ujaran penutur semasa. Penutur semasa memainkan peranannya sebagai penutur dengan mengeluarkan pendapat atau mesej yang mungkin mengandungi isyarat-isyarat tertentu seperti ‘bila dia akan menutup ujarannya’. Manakala pendengar pula memainkan peranannya dengan memberi *aizuchi* yang mengandungi isyarat ‘sehingga bila penutur semasa boleh meneruskan ujaran’.

Penulis membahagikan ujaran kepada tiga peringkat iaitu ujaran permulaan, ujaran pertengahan dan ujaran akhir bergantung kepada jenis-jenis *aizuchi* yang dikeluarkan oleh P. Oleh itu yang sebenarnya, penutur tidak bercakap dengan semahunnya tetapi menurut isyarat atau *aizuchi* yang dikeluarkan oleh P.

Apabila penutur semasa mula membuat ujaran, pendengar turut memulakan peranannya sebagai pendengar dengan memberi *aizuchi* tertentu. Ini menyebabkan apabila penutur berada pada peringkat permulaan dan peringkat pertengahan, P memberi *aizuchi* lampu hijau supaya penutur dapat meneruskan ujarannya tanpa rasa terganggu.

Oleh itu, pada dua peringkat ini, nyata terdapat kerjasama di antara penutur dan pendengar bagi membolehkan perbualan terus berlangsung sehingga sampai pada peringkat akhir. Kedua-dua penutur dan pendengar memainkan peranan yang sama penting bagi memastikan perbualan berjalan dengan baik dan tersusun.

Pada peringkat akhir, apabila P merasakan jawapan atau maklum balas penutur semasa sudah mencukupi, P mula menghantar isyarat lampu kuning supaya penutur semasa bersedia untuk menutup ujaran. Penutur semasa biasanya akan mematuhi isyarat tersebut dan akan menutup ujaran dengan kata penutup yang sesuai seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab 5. Walaupun

P menghantar ‘isyarat lampu kuning’ supaya penutur menghentikan ujaran, P masih memberi masa kepada penutur supaya penutur boleh menyusun dan menutup ujaran dengan tidak tergesa-gesa.

Anak panah dari kiri ke kanan pada peringkat permulaan dan peringkat pertengahan menunjukkan penutur semasa membuat ujaran kepada P. P pula memberi kerjasama kepada penutur dengan memberi *aizuchi*, dan pada masa yang sama, penutur yang menerima isyarat P, meneruskan ujaran. Anak panah dari kanan ke kiri pada peringkat akhir pula menunjukkan bahawa P menghantar mesej melalui *aizuchi* kepada penutur supaya bersedia untuk menutup ujaran. Oleh itu, pada ketika ini, penutur akan mula mencari dan mengujarkan kata penutup yang sesuai. Di dalam ketiga-tiga peringkat ini, penutur dan pendengar saling memberi kerjasama bagi membolehkan komunikasi terus berjalan dengan baik.

Penulis membahagikan fungsi *aizuchi* kepada tiga bahagian seperti di dalam Rajah 6.1 yang boleh menunjukkan bagaimana pendengar yang baik akan dapat mengawal aliran ujaran penutur dengan memberi isyarat lampu hijau dan lampu kuning seperti di dalam ujaran berikut.

[30-1] *Aizuchi* berganda *un*, *un un* dan *un un un* yang diberikan oleh P yang menunjukkan bahawa P memberi ‘lampa hijau’ kepada BB supaya meneruskan ujaran.
(1568-1591)

BB:いやいやいや、それはね、(うん) そうではないんですね。
えー、9月21日にね、(うん) 国会が召集されまして、
(うん) 最初に院の構成が(うん) 決められるわけですよ。…
そういう場合には、(うん) 国会ききませんからね。(うん)
議長さん職権でね、(うん) 委員を指名させてもったんですよ。(うん)
そしたらまーそれがけしからん、ということで、(うん)
次の週ですね、えー特別委員会で、委員長、理事は互選なんですね、(うんうん) 皆さん集まって。(うんうんうん) …

Iya iya iya, sorewane, (un) soudewa nain desuyone. (un)
Ee, 9 gatsu 21 nichinine, (un) kokkaiga shoushuu saremashite, (un) saishoni inno kouseiga (un) kimerareruwakedesuyo...
Soiu baainiwa, (un) kokkai kikimasenkara. (un)
Gichousan shokkendene, (un) iinwo shimei sasete mottandesuyo. (un)
Soshitara maa sorega keshikaran, toiukotode, (un) tsugino shuuno desune, ee tokubetsu iinkaide, iinchou, rijiwa gosennandesune, (un un) minasan atsumatte. (un un un)...

Tidak, tidak, tidak. Itu, (*un*) bukan begitu. (*un*)
Ee, pada 21 hb 9, (*un*) parlimen bersidang, (*un*) pertama struktur parlimen (*un*) ditetapkan...
Dalam kes sebegini, (*un*) kerana parlimen tidak berfungsi. (*un*)
Speaker *Diet* dengan kuasanya, (*un*) menamakan ahli parlimen. (*un*)
Bila begitu, dengan alasan, itu adalah kasar, (*un*) pada minggu seterusnya, *ee* di Ahli Jawatan Kuasa Khusus, ada pemilihan pengurus parlimen dan pengarah, (*un un*) semua berkumpul. (*un un un*)...

Di dalam ujaran [30-1], P telah memberi *aizuchi un* dan selepas beberapa ketika memberi *aizuchi* berganda *un un* dan *un un un* yang menunjukkan minat pendengar terhadap ujaran penutur semasa bertambah dan penutur semasa boleh terus membuat ujarannya.

[30-2] Penggunaan *aizuchi hai* dan *naruhoodo* yang memberi tanda ‘lampa kuning’ kepada BB agar bersedia untuk menutup ujaran.

(1606-1613)

BB: ...全胸部、打撲というんでしようかね、(うん) 二週間治療で、入院しました。(うん)

そこでね、まー私はね、(なるほど) いろんな言い分はあると思いますけれども、(あー) 衆議院の皆さんのが何人か来られてね、(うん) 実力行使されてる。(なるほど)

これもよろしく(なるほど) ありませんね。

そういうことでね、(うん) まーとにかく国会というものは与野党で審議をする(はい) ところですから、(うん) ぜひですね、(うん) 国会にご参加を賜りたい、(うん) そういう風にわれわれは思っております。

...zenkyoubu, daboku toiun deshoukane, (un) 2 shuukan chiryoude, nyuuin shimashita. (un)

Sokodene, maa watashiwane, (naruhodo) ironna ii bunwa aruto omoimasukeredomone, (aa) shuugiinno minasanga nanninka koraretene, (un) jitsuryoku koushi sareteru. (naruhodo)

Koremo yoroshiku (naruhodo) arimasenner.

Soiukotodene, (un) maa tonikaku kokkai toiu monowa yoyatoude shingiwo suru (hai) tokorodesukara, (un) zehi desune, (un) kokkaini gosankawo tamawaritai, (un) soiu huuni warewarewa omotte orimasu.

...bahagian dada, apakah ia dipanggil cedera, (*un*) 2 minggu rawatan, masuk hospital. (*un*)

Dengan itu, saya, (*naruhoodo*) saya rasa ada pelbagai alasan tetapi, (*aa*) ada beberapa ahli Dewan Perwakilan datang, (*un*) dan mengenakan tekanan. (*naruhoodo*)

Ini pun tidak berapa(*naruhoodo*) elok.

Oleh itu, (*un*) kerana parlimen adalah tempat (*hai*) parti kerajaan dan pembangkang berbincang, (*un*) kami rasa perlu untuk mengajak pembangkang hadir bersama.

Di dalam ujaran [30-2] pula P telah memberi *aizuchi naruhodo* selepas ujaran BB, *sokodene, maa watashiwa ne* (di dalam baris ketiga). P kemudian memberi *aizuchi naruhodo* (dua kali), *aizuchi aa* (satu kali) dan *hai* (satu kali).


BB bersedia menutup ujaran dengan mengujarkan *soiukotode* sebagai kesimpulan terhadap kesemua ujaran sebelum ini selepas mendapat dua *aizuchi naruhodo* yang terakhir (baris 6 dan 7). Apabila P telah pasti bahawa BB akan menutup ujarannya, iaitu melalui ujaran BB *soiukotode~*, P telah memberi *aizuchi hai* dan *un*. *Aizuchi hai* dan *un* yang dikeluarkan oleh P menunjukkan P telah menerima isyarat BB bahawa BB akan menutup ujarannya. BB kemudian menutup ujarannya.

Di sini kita dapat melihat mesej dan isyarat secara tidak langsung yang dikeluarkan oleh P dan BB. P menghantar isyarat melalui *aizuchi* supaya BB menutup ujaran dan BB pula menghantar isyarat melalui kata ‘prapenutup’ perbualan bahawa dia akan menutup ujarannya. Kata ‘prapenutup’ perbualan

seperti *soiukotode*, *maa*, dan *sokode* berada pada awal ayat dan kemudian diikuti oleh kesimpulan atau penutup ujaran. P menerima isyarat BB dan kemudian memberi *aizuchi hai* dan *un* bagi menunjukkan P memahami BB akan menutup perbualannya.

Soiukotode, *sokode* dan *maa* sebenarnya tidak dapat diterjemahkan dengan tepat. Kata ini terdapat di awal ayat pada ayat-ayat yang terakhir di dalam sesuatu ujaran yang menunjukkan bahawa seseorang penutur akan dan sedang merangka ujaran terakhir sebagai satu kesimpulan atau penutup ujarannya. Oleh kerana itulah penulis menamakan kata seperti *soiukotode*, *sokode* dan *maa* sebagai kata prapenutup.

Mesej yang dihantar melalui *aizuchi* di antara pendengar dan penutur seperti yang dibincangkan di atas boleh dibahagikan kepada lima peringkat dan boleh disimpulkan melalui rajah di bawah.



Rajah 6.2: *Aizuchi* dan Kata Prapenutup yang Dihantar oleh Penutur dan Pendengar

Pada peringkat pertama, apabila penutur mula membuat ujaran pendengar akan memberi *aizuchi* kepada penutur yang membawa maksud ‘saya sedang mendengar segala pendapat anda, anda boleh meneruskan ujaran’. *Aizuchi* pada peringkat ini adalah *un* dan ditandakan di dalam rajah sebagai *aizuchi* (i).

Semasa penutur sedang meneruskan ujaran atau terdapat kemungkinan penutur lebih ‘bersemangat’ untuk memberi idea seterusnya, pendengar memberi mesej melalui *aizuchi* berganda *un un* atau *un un un* yang membawa maksud ‘saya masih mendengar, anda masih boleh meneruskan ujaran kerana saya tidak akan mengambil giliran sekarang’. Peringkat ini boleh didapati di dalam perbualan [30-1] dan ditandakan di dalam rajah sebagai *aizuchi* (ii).

Pada peringkat ketiga pula, pendengar memberi *aizuchi* penutup seperti *aizuchi naruhodo*, *hai* atau *aa* kepada penutur. Penutur menerima *aizuchi* tersebut sebagai satu mesej daripada pendengar supaya penutur menghentikan ujaran pada masa yang sesuai. Isyarat yang terkandung di dalam *aizuchi* pada peringkat ketiga ini adalah ‘saya mendengar pendapat anda dan telah memahaminya, jadi anda boleh menutup ujaran pada masa yang sesuai’.

Penutur kemudiannya menghantar mesej kepada pendengar bahawa dia akan menutup ujaran pada masa yang terdekat. Anak panah dari kanan ke kiri menunjukkan penutur menghantar mesej tersebut kepada pendengar melalui kata ‘prapenutup’. Mesej penutur yang dihantar kepada pendengar melalui kata

prapenutup membawa maksud ‘saya telah menerima isyarat anda supaya menutup ujaran pada masa terdekat’. Ini adalah peringkat keempat di dalam rajah. Kata prapenutup ini adalah seperti ujaran *soiukotode*, *maa* dan *sokode* yang terletak di awal ayat.

Pendengar menerima mesej tersebut dan memberi *aizuchi* yang sesuai sehingga penutur menutup ujarannya. Keadaan ini boleh dilihat melalui anak panah dari kiri ke kanan yang terakhir. Ini adalah peringkat kelima dan terakhir yang ditandakan dengan *aizuchi* (iii). Penutur kemudiannya akan menghentikan ujaran dan giliran akan diambil oleh pendengar. Kesemua peringkat ini terdapat di dalam data perbualan [30-1] dan [30-2]. *Aizuchi* di dalam Rajah 6.2 boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *aizuchi* (i), *aizuchi* (ii), dan *aizuchi* (iii) serta *aizuchi* penutup. *Aizuchi* (i), *aizuchi* (ii), dan *aizuchi* (iii) adalah terdiri daripada jenis *aizuchi* yang sama seperti *ee*, *un*, *hai* atau sebagainya. Manakala *aizuchi* penutup adalah terdiri daripada *hai*, *naruhood* atau *aa*. Sama ada sesuatu jenis *aizuchi* itu *aizuchi* penutup atau sebaliknya, ia juga bergantung kepada intonasi semasa ia diujarkan.

Mesej secara tidak langsung di antara P dan BB iaitu di antara penutur dan pendengar menunjukkan sememangnya wujud kerjasama di antara penutur dan pendengar di dalam perbualan. Rajah 6.2 tersebut menunjukkan kerjasama dan kesepakatan pendengar dan penutur di dalam sesuatu perbualan bagi memastikan perbualan berlangsung dengan lancar dan berkesan.

6.3.2 Jenis-jenis *Aizuchi*

Aizuchi boleh dibahagikan kepada *aizuchi* berganda, *aizuchi* pengulangan, *aizuchi haa* dan *hoo* serta *aizuchi* penutup. Selain berbeza dari segi sebutan, *aizuchi* ini juga berbeza dari segi fungsi atau maksud pendengar semasa menuturkan *aizuchi* tersebut.

a) *Aizuchi* Berganda

Penulis menamakan *aizuchi* berganda pada *aizuchi* yang diulang-ulang, sama ada sebanyak dua, tiga, atau empat kali. Di dalam data ini *aizuchi* berganda biasanya adalah *hai*, *un*, *haa*, *hoo* atau *ee*. Contohnya, *hai hai*, *hai hai hai* atau *hai hai hai hai* atau yang biasa di dalam dapatan ini adalah *un*, *un un* dan *un un un*. (Lihat contoh ujaran [30-1] dan [30-2])

Ujaran [30-1], menunjukkan P memberi *aizuchi un* pada PPU penutur BB, yang menunjukkan P memberi laluan kepada BB untuk bercakap. Kemudian P memberi *aizuchi* dengan *un un* dan *un un un* di penghujung ujaran [30-1], iaitu *aizuchi un* berganda. Selepas itu P masih memberi hak bercakap kepada BB dengan membuat *aizuchi un*. BB kemudian meneruskan ujaran dan pada PPU tertentu, P memberi *aizuchi un* seperti yang terdapat di dalam [30-2].

Aizuchi berganda menunjukkan bahawa pendengar menghantar mesej secara langsung kepada penutur bahawa pendengar masih berminat untuk mendengar ujaran penutur, oleh itu penutur boleh meneruskan ujaran.

Aizuchi seperti *ee*, *hai*, *haa*, dan *hoo* boleh dikelaskan ke dalam satu kumpulan *aizuchi* yang sama dengan *un*, kerana ia boleh digandakan dan ia juga merupakan *aizuchi* yang paling biasa dan paling kerap digunakan di dalam data perbualan kajian ini.

b) *Aizuchi Pengulangan*

Penulis menamakan ‘*aizuchi pengulangan*’ kepada jenis *aizuchi* yang dikeluarkan oleh pendengar dengan mengulang semula perkataan yang diujarkan oleh penutur. *Aizuchi pengulangan* digunakan apabila pendengar dapat menangkap ‘inti’ ujaran penutur semasa. Inti atau ujaran itulah yang diulang semula oleh pendengar. Pengulangan berlaku bukan sahaja pada perkataan tetapi juga morfem atau frasa ayat. Berbanding dengan *aizuchi* seperti *un*, *hai*, *ee* dan *haa*, *aizuchi pengulangan* menunjukkan bahawa pendengar ‘lebih mendengar’ percakapan penutur.

[31] *Aizuchi pengulangan di mana P mengulang ujaran O iaitu shitemasune.*

(3144-3146)

O: えー、今ね、Mさんの話を聞いていると、なんかその特別委員会でもーですね、(うん) そのいわゆる非拘束の法案を議論することが決まってたかのようなことを言われますが、(うん) 特別委員会というのは、毎回、あの、拙著してるんですよ、本来。(してますね) ...

ee, imane, Msanno hanashiwō kiiteiruto, nanka sono tokubetsu iinkaidemodesune, (un) sono iwayuru hikousokuno houanwo giron surukotoga kimattetakano youna kotowo iwaremasuga, (un) tokubetsu iinkai toiunowa, maikai, ano, seecho shiterundesuyo, honrai. (shitemasune)...

ee, sekarang, bila dengar cerita En. M, di Jawatan Kuasa Khas pun, (*un*) seolah-olah sudah pasti berdebat mengenai usul format senarai tidak terhad tapi, (*un*) Jawatan Kuasa Khas adalah, setiap kali bermesyuarat, *ano*, *seccho shiterundesuyo*, sampai sekarang. (*shitemasune*)...

Di dalam percakapan O di atas, O mengujarkan *seccho shiterundesuyo* (baris 5) dan P pula mengulang morfem *seccho shiteiru* iaitu *shiteimasu* dan menambahkan partikel *ne*, menjadi *shitemasune*. *Shitemasune* adalah singkatan dari *shiteimasu* dan ini merupakan keadaan biasa di dalam perbualan bahasa Jepun. Partikel *yo* digunakan oleh O menunjukkan maklumat baru yang ingin disampaikan kepada P, dan P menambahkan partikel *ne* pada *aizuchi* pengulangan yang menunjukkan P juga memahami atau telah mengetahui perkara tersebut. Ini adalah merupakan inti kepada ujaran O dan P dapat ‘menangkap’ inti tersebut dan melakukan *aizuchi* pengulangan kepada morfem inti tersebut.

Perkara yang sama didapati daripada ujaran H di dalam perbualan [32] di bawah, di mana P mengulang kata kerja akhir di dalam *ketsuronwo dashitai* iaitu *dashitai*. Ini juga merupakan inti kepada ujaran H.

[32] Aizuchi pengulangan di mana P mengulang ujaran H iaitu *dashitai*.

(3368-3372)

H: 野党の方々がきて、質問もしない議論もしないで、ク
ウシしてある時間なんですね。（うん）
そういうところで審議していないわけでありまして、し
かも肅々と正式な、その手続きまでやってますから、
(うん) 今度は衆議院でもですねー、早急に、その一、
結論を出したい（出したい）と、こういう風に思って
おります。

yatouno katagataga kite, shitsumonmo shinai, gironmo shinaide, kuushi shiteru jikan nandesune.(un)

Souiuutokorode shingi shitenaiwakede arimashite, shikamo shukushukuto seishikina, sono tetsutzuki made yattemasukara, (un) kondowa shuugiindemo desune,soukyuu ni, sonoo, ketsuron wo dashitai (dashitai) to, kouiuuhuuni omotte orimasu.

Orang-orang parti pembangkang datang, soalan pun tidak bertanya, berdebat pun tidak, masa yang ‘terbuang’. (un)

Tidak berdebat tentang perkara itu di tempat itu, malahan buat prosedur resmi itu, secara senyap, kerana itu (un) kali ini Dewan Perwakilan pun, dengan segera, itu, **ingin keluarkan kesimpulan** (**ingin keluarkan**), ini apa yang saya rasa.

Begitu juga di dalam perbualan [33] di bawah, menunjukkan P mengulang perkataan yang digunakan oleh Q.

[33] *Aizuchi pengulangan di mana P mengulang ujaran Q iaitu mondaine.*

(3694-3696)

Q: ...問題はですねー、(うんうん) (問題ね) まー、そのときには、今のような議論になつてゐることは事実なんですよ。(うん) ...

...*mondae wa desunee, (un un)(mondaine) maa, sono tokini, imano youna gironni natteiru kotowa jijitsunan desuyo.* (un) ...

...Masalahnya, (un un) (**masalahne**) pada masa itu, adalah benar bahawa ianya menjadi perdebatan seperti sekarang...

Partikel *ne* turut digunakan selepas *aizuchi* pengulangan di dalam perbualan [31] dan [33], dan ia menjadi bukti bahawa P mengucapkan *aizuchi* pengulangan setelah menangkap makna atau inti ujaran penutur semasa.

Partikel *ne* menunjukkan P berkongsi perasaan yang sama dengan penutur semasa.

c) *Aizuchi Haa dan Hoo*

Sebelum ini di dalam Bab 5 telah diterangkan penutup perbualan oleh penutur semasa, yang menggunakan ujaran *hai* dan ujaran *haa*. Juga telah diterangkan dalam keadaan yang bagaimanakah *hai* dan *haa* digunakan, iaitu apakah keadaan penutur semasa menuturkan *hai* dan apakah keadaan penutur apabila menuturkan *haa*. *Hai* dan *haa* yang dibincangkan di dalam Bab 5 bertindak sebagai isyarat penutup perbualan oleh penutur semasa. Di bawah pula adalah *aizuchi haa* dan *hoo* yang diujarkan oleh pendengar kepada penutur semasa. Terdapat dua fungsi *haa* dan *hoo* yang akan diperkatakan di sini.

Fungsi pertamanya adalah, bergantung kepada intonasi *haa* dan *hoo* semasa diujarkan, *haa* dan *hoo* turut memberi mesej kepada penutur semasa niat atau maksud pendengar semasa mengujarkan *aizuchi* tersebut. Jika *haa* dan *hoo* diujarkan dengan nada yang lambat dan perlahan, pendengar iaitu sipengujar *aizuchi* tersebut mungkin tidak bersetuju dengan pendapat penutur semasa. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada konteks perbualan dan konteks yang mendasari peserta perbualan. Seperti juga *aizuchi hai*, *aizuchi haa* dan *hoo* boleh memberi maksud yang positif atau negatif bergantung kepada konteks perbualan.

Fungsi kedua *aizuchi haa* dan *hoo* adalah untuk menunjukkan sipengujar *aizuchi* ini (iaitu pendengar) ‘lebih memahami’ apa yang dikatakan oleh penutur semasa berbanding dengan jika pendengar memberi *aizuchi* lain.

Seperti mana *aizuchi* berganda dan *aizuchi* pengulangan, P memberi *aizuchi haa* dan *hoo* apabila ingin menunjukkan bahawa P ‘lebih memahami’ apa yang dikatakan oleh penutur semasa berbanding dengan jika P memberi *aizuchi* lain seperti *hai*, *un* dan *ee*.

[34] *Aizuchi haa haa* dan *hoo hoo hoo* yang diujarkan oleh P terhadap ujaran O.

(3506-3518)

O: それと今度の一あのー、衆議院の場合ですねー、(うん)
まずは例えば、全国区を経験した人とか、(うん) あるいは、その問題となっている協議会に、参加した、参
議院のですね、(うん) 与野党の皆さんとか、(うん)
そういう人たちをぜひ、参考人にお招きをしてですねー、(うん) いろんな議論をする必要があると思ってい
ます。(はーはー) ...

まー、そういう点では、あのう、衆議院において、(うん)
そういう法案を出すことで、議論を深める（ほーほー
ほー）一つのですね、(うん) あの材料に出したいと、
こう思ってます。

soreto kondono anou, shuugiinno baai desune, (un)
mazuwa tatoeba, zenkokukuwo keikenshita hitotoka, (un)
aruiwa, sono mondaito natteiru kyougikaini, sankashita,
sangitinno desune, (un) yoyatouno minasantoka, (un)
soiuuhitotachiwo zehi, sankouninni omanekiwo shite
desune, (un) ironna gironwo suru hitsuyouga aruto
omotteimasu. (haahaa)...

Maa, soiuutendewa, anou, shuugiinni oite, (un) souiu
houanwo dasukotode, gironwo hukameru (*hoo hoo hoo*)
hitotsuno desune, (un) ano zairyouni dashitaito, kou
omottemasu.

Dan kali ini *anou*, untuk kes Dewan Perwakilan, (*un*) pertama sekali contohnya, orang yang berpengalaman *national constituency* atau, (*un*) atau yang mengambil bahagian di dalam majlis yang menjadi masalah sekarang, iaitu Dewan Ahli Majlis, (*un*) iaitu ahli parti kerajaan dan pembangkang, (*un*) orang-orang seperti itu seharusnya, dijemput, (*un*) **saya rasa perlu mengadakan berbagai perdebatan.** (*haahaa*)...

maa, bagi maksud tersebut, *anou*, Dewan Perwakilan , (*un*) dengan keluarkan rang undang-undang, adalah salah satu cara (*un*) **untuk memperdalamkan perdebatan** (*hoohooohoo*), itu apa yang saya rasa.

Jika kita meneliti ujaran yang menyebabkan P mengujarkan *haa* dan *hoo* seperti di atas kita dapat melihat bahawa ia diucapkan setelah sesuatu kesimpulan dikatakan oleh penutur semasa. Ujaran *~gironwo suru hitsuyouga aruto omoimasu.* (*haahaa*) dan *gironwo hukameru ~*(*hoohooohoo*) merupakan kesimpulan yang dilakukan oleh penutur terhadap ujarannya sebelum ini. Dan ini menunjukkan P memahami apa yang difahami atau disimpulkan oleh penutur tersebut.

d) *Aizuchi Penutup*

Aizuchi penutup ini telah pun dibincangkan di dalam 5.3.2 (c) dan 6.3.1. *Aizuchi hai* dan *naruhodo* digunakan oleh pendengar apabila ingin menutup ujaran penutur semasa. Ia bertindak sebagai salah satu strategi perbualan pendengar bagi menghentikan ujaran penutur semasa supaya pendengar boleh mengambil giliran atau memberi giliran seterusnya kepada penutur lain.

Oleh kerana ia telah pun dibincangkan, maka adalah tidak perlu bagi penulis mengulang semula perbincangan mengenainya. Nyata *aizuchi hai* dan *naru hodo* boleh digolongkan ke dalam satu kumpulan *aizuchi* yang sama iaitu *aizuchi* penutup bergantung kepada intonasi semasa ia diujarkan atau konteks perbualan lainnya.

6.3.3 Kekerapan Penggunaan *Aizuchi* di dalam Perbualan Bahasa Jepun

Jumlah kekerapan penggunaan *aizuchi* di dalam perbincangan berkumpulan dan perbincangan perorangan adalah agak berbeza. *Aizuchi* yang dikeluarkan oleh P di dalam perbincangan perorangan adalah jauh lebih banyak daripada perbincangan berkumpulan.

a) Kekerapan Penggunaan *Aizuchi* di dalam Perbincangan Berkumpulan

Jadual 6.1 menunjukkan di dalam satu-satu perbincangan berkumpulan, terdapat sekurang-kurangnya 11.6 *aizuchi* di dalam satu minit ujaran di dalam perbualan bahasa Jepun. Purata penggunaan *aizuchi* di dalam satu minit ujaran adalah 11.8 *aizuchi*.

Jadual 6.1: Purata Bilangan *Aizuchi* Perminit di dalam Perbincangan Berkumpulan

Sesi	Masa (minit)	Bilangan <i>aizuchi</i>	Bilangan <i>aizuchi</i> /Minit
1	60	693	11.6
2	60	713	11.8
3	60	717	11.9
4	45	544	12.1

Aizuchi di dalam kajian ini dibuat oleh P kerana segala ujaran atau pendapat diutarakan oleh penutur kepada P dan bukan kepada peserta lain secara langsung. P mewakili peserta-peserta lain, mengutarakan soalan atau pendapat kepada seseorang penutur itu. Oleh itu, P mewakili peserta-peserta lain, memberi *aizuchi*. Walau bagaimanapun ada juga *aizuchi* yang dibuat oleh para peserta dan bilangan *aizuchi* ini amat kecil. Perkara ini berlaku apabila penutur lain secara langsung meminta penerangan atau kepastian daripada penutur semasa dan penutur semasa pula membuat ujaran berdasarkan soalan peserta tersebut. Dengan itu peserta yang bertanya itulah yang memberi *aizuchi*.

b) Kekerapan Penggunaan *Aizuchi* di dalam Perbincangan Perorangan

Berbanding perbincangan berkumpulan, di dalam perbincangan perorangan, P menggunakan lebih banyak *aizuchi*. Di dalam Jadual 6.2 di bawah kita melihat purata *aizuchi* yang digunakan oleh P adalah antara 10.2 *aizuchi* sehingga 17.7 *aizuchi* di dalam satu minit ujaran. Purata keseluruhan penggunaan *aizuchi* di dalam satu minit ujaran adalah 13.7 *aizuchi*.

Jadual 6.2 : Bilangan *Aizuchi* Permitit di dalam Perbincangan Perorangan

Sesi	Masa (minit)	Bilangan <i>aizuchi</i>	Bilangan <i>aizuchi/minit</i>
1	15	237	15.8
2	12	190	15.8
3	10	115	11.5
4	7	124	17.7
5	8	124	15.5
6	13	185	14.2
7	24	195	12.3
8	29	107	10.6
9	6	061	10.2

Ini menunjukkan bahawa Pengerusi lebih cenderung untuk menunjukkan ‘minat mendengar’ kepada orang perseorangan di dalam perbualan perorangan berbanding orang perseorangan di dalam perbualan berkumpulan.

i) Faktor Penggunaan *Aizuchi* yang Lebih Kerap di dalam Perbincangan Perorangan

Faktor kenapa *aizuchi* lebih kerap digunakan di dalam perbincangan perorangan adalah kerana pertanyaan dan jawapan di dalam perbualan perorangan adalah secara langsung antara P dan peserta, sedangkan di dalam percakapan antara kumpulan, hubungan P dan kumpulan mungkin secara tidak langsung kerana soalan-soalan yang diutarakan oleh P kadangkala mewakili soalan-soalan yang diberikan kumpulan lain atau masyarakat yang mengikuti perkembangan politik negara mereka.

Di dalam perbincangan berkumpulan ini P bertugas sebagai orang tengah di antara dua kumpulan parti politik yang bertentangan. Sebagai orang tengah dan tugas pengurus bertindak sebagai ‘pendengar’, pengurus tetap memberikan *aizuchi*. Walau bagaimanapun oleh kerana di dalam perbualan perorangan hubungan antara pengurus dan silawan cakap adalah secara langsung, maka *aizuchi* lebih banyak digunakan.

Jika kita melihat dengan lebih teliti Jadual 6.1 dan 6.2, kita dapat melihat purata bilangan *aizuchi* di dalam satu minit ujaran bagi setiap sesi perbincangan berkumpulan adalah sekata iaitu antara 11.6 *aizuchi* sehingga 12.1 *aizuchi* dengan purata keseluruhannya adalah 11.8 *aizuchi* bagi satu minit ujaran. Sedangkan di dalam perbualan perorangan purata penggunaannya bagi setiap sesi adalah tidak sekata iaitu antara 10.2 *aizuchi* sehingga 17.7 *aizuchi*, dengan purata keseluruhannya 13.7 *aizuchi*.

Kita boleh membuat kesimpulan bahawa perbezaan purata penggunaan yang sekata di dalam perbualan berkumpulan dan purata penggunaan yang tidak sekata di dalam perbualan perorangan adalah disebabkan kecenderungan P yang berbeza di dalam kedua-dua bentuk perbincangan tersebut. Di dalam perbincangan berkumpulan, P seperti yang dinyatakan sebelum ini, mewakili masyarakat dan pihak pembangkang (atau pihak kerajaan), iaitu P bertugas sebagai orang tengah dan kecenderungan atau ‘minat’ P semasa membuat

ujaran atau ‘mendengar’ sesuatu ujaran adalah sama rata. Ini bagi menunjukkan P bersikap adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Di dalam perbualan perorangan pula, memang terdapat kecenderungan P untuk berlaku adil tetapi harus diingat perbualan perorangan adalah antara satu lawan satu dan bukan seperti perbualan berkumpulan. Perbualan berkumpulan lebih memerlukan P untuk lebih berhati-hati bagi bertindak sama rata. P memberi *aizuchi* pada setiap orang dan pada setiap kumpulan hampir sama banyak. Perbualan satu lawan satu di dalam perbincangan perorangan pula memerlukan P menunjukkan ‘minat’ yang lebih kepada ujaran penutur semasa bergantung kepada konteks perbualan dan peserta yang terlibat.

Adalah perlu untuk penulis melihat kenapa jumlah kekerapan *aizuchi* berbeza atau tidak sekata di dalam perbincangan perorangan. Faktor-faktor yang menjadi penyebabnya adalah isu yang terlibat, emosi, cara sesuatu ujaran diujarkan dan kedudukan penutur sama ada peserta kanan atau tidak.

Jadual 6.3 menunjukkan kaitan di antara bilangan *aizuchi* yang dilakukan oleh peserta perbincangan perorangan dan kaitannya dengan latar belakang mereka.

Jadual 6.3 : Bilangan *Aizuchi* Perminit di dalam Perbincangan Perorangan dan Kaitan dengan Latar Belakang Peserta

Sesi	Bilangan <i>Aizuchi</i>	Bilangan <i>Aizuchi/Minit</i>	Peserta	Posisi Politik
1	237	15.8	H	kerajaan
2	190	15.8	βI	pembangkang
3	115	11.5	J	kerajaan
4	124	17.7	$\alpha\beta K$	pembangkang
5	124	15.5	βL	pembangkang
6	185	14.2	χR	kerajaan
7	195	12.3	Y	kerajaan
8	107	10.6	AA	kerajaan
9	061	10.2	βI	pembangkang

Di dalam Sesi 4, purata penggunaan *aizuchi* oleh P adalah yang tertinggi iaitu 17.7 di dalam satu minit ujaran. Penutur K di dalam sesi ini bukan sahaja yang paling berumur jika dibandingkan dengan penutur lain tetapi juga pemimpin tertinggi sebuah parti politik pembangkang. Isu yang terlibat adalah berkenaan dengan salah laku pegawai tertinggi kerajaan dan kritikan terhadap Perdana Menteri. Kritikan dilakukan dengan teratur tetapi beremosi bagi menyalahkan Perdana Menteri dan parti-parti kerajaan. Bagi ‘menyokong’ peserta ini supaya meneruskan ujaran, P memberi lebih banyak *aizuchi*.

Purata *aizuchi* bagi Sesi 1, 2, 5 dan 6 adalah agak sekata iaitu antara 14.2 hingga 15.8 *aizuchi*. Jika kita meneliti peserta-peserta yang terlibat kita dapat melihat peserta Sesi 2 dan 5 merupakan penutur yang memegang jawatan tertinggi parti dan tetapi masih muda berbanding K. Penutur Sesi 1 dan 6 walaupun tidak memegang jawatan tertinggi parti seperti peserta Sesi 2 dan 5, tetapi tetap

memegang jawatan penting. Penutur Sesi 1 merupakan seorang pemimpin parti politik terbesar Jepun dan penutur 6 memegang jawatan sebagai pegawai kanan di dalam kerajaan. Isu-isu yang terlibat juga agak ‘panas’ dan memerlukan P memberi *aizuchi* dengan agak kerap.

Jumlah penggunaan *aizuchi* bagi Sesi 3,7, 8 dan 9 pula agak berkurangan iaitu antara 10.2 sehingga 12.3. Peserta Sesi 3, 7 dan 9 adalah agak muda seperti peserta Sesi 2 dan 5. Peserta Sesi 9 walaupun pemimpin tertinggi sebuah parti pembangkang tetapi perbincangan dilakukan dengan tertib dan teratur dan tidak begitu ‘beremosi’. Dan ini menyebabkan P kurang memberi *aizuchi*.

Peserta Sesi 7, Y walaupun pemimpin parti politik kerajaan terbesar dan isu yang terlibat ‘panas’, namun pada ketika itu, Y sedang berusaha untuk menjatuhkan Perdana Menteri dengan menjalankan kegiatan menyokong parti pembangkang mengadakan usul tidak percaya kepada Perdana Menteri. Y bukan orang yang ‘dipersalahkan’ tetapi ‘bersama masyarakat’ mengkritik kerajaan.

Begitu juga dengan peserta Sesi 8, AA mempunyai kedudukan yang sama dengan Y dan topik perbincangan adalah berkenaan dengan tindakan yang boleh diambil terhadap Y kerana ‘berpaling tada’ terhadap parti. Kritikan ditujukan kepada Y kerana ‘membelakangkan’ parti dan kerajaan demi mencapai cita-cita politiknya yang tersendiri. Sama ada Y atau AA, masing-masing bercakap dengan teratur dan menyusun kata-kata dengan tenang. Oleh itu berdasarkan

jumlah *aizuchi* dan latar belakang para peserta kajian ini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa P memberi *aizuchi* yang banyak kepada peserta yang lebih berumur, 'lebih' kanan dan memegang jawatan tertinggi di dalam parti atau kerajaan.

Topik atau emosi turut menjadi penyumbang kepada jumlah *aizuchi* yang berbeza di dalam perbincangan perorangan. Jika seseorang penutur itu tidak dapat mengawal ujaran dengan baik dan di dalam keadaan yang beremosi, P akan turut terpengaruh untuk memberikan *aizuchi* yang lebih banyak. Sebaliknya jika penutur di dalam keadaan yang lebih tenang, P juga akan kurang memberi *aizuchi*.

Walau bagaimanapun penulis ingin mengingatkan bahawa bilangan *aizuchi* mungkin lebih banyak dari Jadual 6.3, sama ada perbualan berkumpulan atau perbualan perorangan. Ini kerana mungkin terdapat *aizuchi* yang tidak dapat didengar atau diperolehi dengan jelas dari rakaman ini akibat faktor-faktor seperti, bunyi *aizuchi* yang perlahan, bunyi *aizuchi* yang tidak dapat didengar dan sebagainya. Juga harus diingatkan *aizuchi* yang diambil kira di dalam rakaman ini hanya *aizuchi* lisan. *Aizuchi* bukan lisan seperti anggukan, senyum dan sebagainya tidak diambil kira.

6.3.4 Jumlah dan Perbezaan Penggunaan *Aizuchi* bagi Setiap Sesi Perbincangan Berkumpulan


Jadual 6.4 menunjukkan bilangan *aizuchi* yang digunakan di dalam perbincangan berkumpulan bagi setiap kumpulan iaitu dari kumpulan 1 sehingga kumpulan 4. Ia menunjukkan bagaimana bilangan *aizuchi un* sangat kerap jumlahnya iaitu 2308 berbanding *aizuchi hai* sebanyak 105. Ia diikuti oleh *aizuchi pengulangan* (64), *aizuchi naruhodo*(51), *aizuchi un un* (44), dan *aizuchi ee* (44). Jika kita meletakkan *aizuchi un*, *hai*, *ee*, *haa* dan *hoo* ke dalam satu kumpulan yang sama mengikut jenisnya, kita akan mendapati *aizuchi* berganda *un* paling kerap digunakan iaitu berjumlah 2358. Ini diikuti oleh *aizuchi* berganda *hai* sebanyak 119, *aizuchi pengulangan* sebanyak 64, *naruhodo* sebanyak 51, *aizuchi* berganda *ee* sebanyak 49 dan *aizuchi* berganda *haa* sebanyak 16 kali.

Aizuchi berganda *hoo* pula hanya digunakan 8 kali. *Aizuchi* yang paling sedikit digunakan di dalam kesemua sesi ini adalah *aa* sebanyak dua kali dan *oo* sebanyak sekali.

Jadual 6.4 : Bilangan Penggunaan *Aizuchi* bagi Setiap Sesi di dalam Perbincangan Berkumpulan

<i>Aizuchi</i>	1	2	3	4	Jumlah
<i>Un</i>	580	607	639	482	2308
<i>Un un</i>	11	13	10	10	44
<i>Un un un</i>	1	2	3	0	6
Jumlah	592	622	652	492	2358
<hr/>					
<i>hai</i>	47	17	25	16	105
<i>Hai hai</i>	3	2	3	3	11
<i>Hai hai hai</i>	1	2	0	0	3
Jumlah	51	21	28	19	119
<hr/>					
Pengulangan	25	19	13	7	64
<hr/>					
<i>Naruhodo</i>	9	25	7	10	51
<hr/>					
<i>ee</i>	12	10	8	14	44
<i>Ee ee</i>	0	1	3	0	4
<i>Ee ee ee</i>	0	0	1	0	1
Jumlah	12	11	12	14	49
<hr/>					
<i>Haa</i>	2	2	0	1	5
<i>Haa haa</i>	0	5	2	1	8
<i>Haa haa haa</i>	3	0	0	0	3
Jumlah	5	7	2	2	16
<hr/>					
<i>Hoo</i>	0	1	0	0	1
<i>Hoo hoo</i>	1	4	1	0	6
<i>Hoo hoo hoo</i>	0	0	1	0	1
Jumlah	1	5	2	0	8
<hr/>					
<i>Aa</i>	0	1	1	0	2
<hr/>					
<i>Oo</i>	0	1	0	0	1
<hr/>					
<i>Maa</i>	0	0	0	0	0
<hr/>					
<i>Naa</i>	0	0	0	0	0
<hr/>					
Jumlah keseluruhan	695	712	717	544	2668


Rajah 6.3 menunjukkan dengan lebih jelas perbandingan penggunaan jumlah *aizuchi* yang digunakan bagi setiap sesi perbincangan berkumpulan.



Rajah 6.3: Bilangan Penggunaan *Aizuchi* Mengikut Jenis bagi Setiap Sesi di dalam Perbincangan Berkumpulan

Sekiranya kita menjumlahkan kesemua *aizuchi* tersebut mengikut jenis iaitu misalnya menggabungkan *aizuchi un*, *un un* dan *un un un* ke dalam satu kumpulan jenis *aizuchi* yang sama (*aizuchi* berganda *un*) kita dapat melihat betapa kerapnya *aizuchi un* digunakan di dalam perbualan, seperti yang dipaparkan di dalam Rajah 6.3 di atas.

Rajah 6.4 pula menunjukkan jumlah dan peratusan *aizuchi* secara keseluruhan di dalam perbincangan berkumpulan.



Rajah 6.4: Jumlah dan Peratusan *Aizuchi* Secara Keseluruhan di dalam Perbincangan Berkumpulan.

Secara keseluruhannya, di dalam perbincangan berkumpulan *aizuchi* berganda *un* digunakan sebanyak 88.38%, diikuti oleh *aizuchi* berganda *hai* sebanyak 4.46% dan *aizuchi* pengulangan sebanyak 2.40%. *Naruhodo* serta *aizuchi* berganda *ee* menduduki hampir 2%. *Aizuchi* lain yang digunakan tidak melebihi 1% dari jumlah keseluruhan di dalam perbualan berkumpulan.

Aizuchi pendek iaitu *aizuchi un, hai, ee, haa, hoo, aa* dan *oo* menduduki 95.69% daripada jumlah keseluruhan *aizuchi*. *Aizuchi* lain iaitu *aizuchi* pengulangan dan *naruhodo* digunakan kurang daripada 5% di dalam perbincangan ini.

6.3.5 Jumlah dan Perbezaan Penggunaan *Aizuchi* bagi Setiap Sesi Perbincangan Perorangan

Jadual 6.5 pula menunjukkan jumlah penggunaan *aizuchi* bagi setiap sesi perbincangan perorangan iaitu dari Sesi 1 sehingga Sesi 9.


Jadual 6.5: Bilangan Penggunaan *Aizuchi* bagi Setiap Sesi di dalam Perbincangan Perorangan

<i>Aizuchi</i>	1	2	3	4	5	6	7	8	9	Jumlah
<i>Un</i>	175	144	85	106	105	0	215	176	44	1050
<i>un un</i>	2	5	10	5	3	0	7	2	1	35
<i>un un un</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	177	149	95	111	108	0	222	178	45	1085
<hr/>										
<i>Hai</i>	29	39	7	8	3	4	23	22	12	147
<i>hai hai</i>	4	0	0	0	0	1	2	1	0	8
<i>hai hai hai</i>	1	0	0	0	0	0	0	1	0	2
Jumlah	34	39	7	8	3	5	25	24	12	157
<hr/>										
<i>Ee</i>	17	0	9	3	2	0	27	91	1	150
<i>ee ee</i>	0	0	1	0	0	0	0	2	0	3
<i>ee ee ee</i>	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
Jumlah	17	0	10	3	2	0	27	94	1	154
<hr/>										
pengulangan	0	2	1	2	3	0	12	2	1	23
<hr/>										
<i>Naruhodo</i>	5	0	1	0	6	0	2	2	1	17
<hr/>										
<i>Haa</i>	1	0	0	0	0	2	1	1	1	6
<i>haa haa</i>	2	0	1	0	0	1	0	1	0	5
<i>haa haa haa</i>	0	0	0	0	0	2	0	0	0	2
Jumlah	3	0	1	0	0	5	1	2	1	13
<hr/>										
<i>Aa</i>	1	0	0	0	0	0	1	3	0	5
<hr/>										
<i>Maa</i>	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
<hr/>										
Jumlah keseluruhan	237	190	115	124	122	10	290	306	61	1455


Seperti juga di dalam perbincangan berkumpulan, *aizuchi un* (1050) mengatasi *aizuchi-aizuchi* lain iaitu *aizuchi ee* (150), *hai* (147), *un un* (35), pengulangan (23), *naruhoodo* (17) dan *aizuchi haa* (6). *Aizuchi-aizuchi aa* dan *maa* hanya digunakan sebanyak 5 kali dan 1 kali sahaja.

Apabila kita melihat jumlah jenis-jenis *aizuchi* di dalam kumpulan jenis-jenis *aizuchi* yang sama (iaitu *aizuchi* berganda), kita mendapati bahawa jumlah *aizuchi* berganda *un* sebanyak 1085, *aizuchi* berganda *hai* 157, *aizuchi* berganda *ee* sebanyak 154 dan diikuti oleh *aizuchi* yang lain.

Rajah 6.5 pula menunjukkan jumlah penggunaan *aizuchi* bagi setiap sesi perbincangan perorangan dilihat melalui graf. Bilangan penggunaan *aizuchi* berganda *un*, *hai* dan *ee* begitu ketara sekali.



Rajah 6.5: Bilangan Penggunaan *Aizuchi* Mengikut Jenis bagi Setiap Sesi di dalam Perbincangan Perorangan



Rajah 6.6: Jumlah dan Peratusan Aizuchi Secara Keseluruhan di dalam Perbincangan Perorangan

Rajah 6.6 di atas menunjukkan bahawa *aizuchi* berganda *un* memonopoli *aizuchi* lain, iaitu sebanyak 74.57% daripada jumlah *aizuchi* secara keseluruhannya. Ini diikuti oleh *aizuchi* berganda *hai* dan *aizuchi* berganda *ee* iaitu masing-masing hampir 11%. *Aizuchi* pengulangan digunakan sebanyak 1.58% dan *aizuchi* *naruhodo* pula sebanyak 1.17%. *Aizuchi* berganda *haa*, *aa* dan *maa* digunakan tidak melebihi 1% di dalam perbualan perorangan ini.

Aizuchi pendek iaitu *aizuchi un, hai, ee, haa, aa* dan *maa* menduduki 97.24% daripada jumlah *aizuchi* keseluruhan. *Aizuchi* lain iaitu *aizuchi* pengulangan dan *naruhoodo*, digunakan oleh pendengar kurang daripada 3% daripada jumlah keseluruhan.

6.3.6 Penggunaan *Aizuchi* Pendek dan Fungsinya

Berdasarkan jumlah penggunaan dan jenis-jenis *aizuchi* di dalam kedua-dua perbualan berkumpulan dan perbualan perorangan, kita boleh membuat kesimpulan bahawa *aizuchi* yang pendek dan ringkas amat kerap digunakan. Ini kerana *aizuchi* yang lebih panjang biasanya tidak begitu praktikal kerana penggunaan *aizuchi* di dalam bahasa Jepun yang sebeginu kerap. Lagipun, *aizuchi* pendek ini juga telah pun memenuhi fungsi *aizuchi* yang sebenarnya.

Bagi menyokong pendapat penulis, penulis telah menghantar e-mel kepada sepuluh orang penutur asli bahasa Jepun. Jawapan mereka menunjukkan mereka bersetuju dengan pendapat penulis. Salah seorang dari sepuluh orang yang penulis hubungi melalui e-mel ini adalah Yamato Eriko seorang pensyarah bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. Beliau turut menambah penggunaan ujaran *un* yang kerap juga disebabkan oleh faktor sebutan atau ‘bunyi’. *Aizuchi* seperti *hai, naruhoodo*, pengulangan dan sebagainya akan kedengaran ‘bising’ dan mungkin akan mengganggu tumpuan penutur semasa. Ini ternyata benar seperti yang terdapat di dalam Jadual 6.1 dan 6.2, iaitu purata bilangan *aizuchi* permabit di dalam perbincangan berkumpulan adalah 11.8

aizuchi, manakala purata bilangan *aizuchi* di dalam perbincangan perorangan pula adalah 13.7 *aizuchi* permabit. Jika di dalam satu minit ujaran, pendengar menggunakan 12 *aizuchi* (atau satu *aizuchi* pada setiap 5 saat perbualan), *aizuchi* selain daripada *aizuchi un* akan kedengaran bising dan mengganggu percakapan atau tumpuan penutur semasa.

Penemuan ini juga menyokong teori Kubota (2001) bahawa pengguna tidak menggunakan *aizuchi* secara sewenang-wenangnya, tetapi secara sedar mahupun secara tidak sedar, pengguna memilih jenis *aizuchi* yang bersesuaian dengan sesuatu konteks perbualan. Di dalam konteks data perbualan ini, perbualan berlangsung secara formal, oleh peserta yang berstatus tinggi dan setiap peserta cuba untuk mengawal emosi apabila dikritik, maka perbualan haruslah berlangsung secara lebih ‘teratur’ berbanding perbualan di dalam rancangan hiburan. Bukan sahaja penutur semasa perlu berhati-hati dengan konteks perbualan seperti ini tetapi pendengar juga turut memainkan peranan penting bagi membolehkan penutur meneruskan ujaran. Pendengar (yang juga seorang penutur kemudiannya), bukan sahaja perlu membuat pilihan ujaran atau ayat yang sesuai, malah perlu memilih penggunaan *aizuchi* yang bersesuaian dengan konteks perbualan seperti ini.

6.4 Penutup

Bab ini jelas menunjukkan kepentingan *aizuchi* di dalam perbualan bahasa Jepun. Kepentingan *aizuchi* bukan sahaja dilihat melalui jumlah penggunaannya yang kerap tetapi juga melalui fungsinya yang bukan sahaja sekadar melancarkan perbualan tetapi juga boleh bertindak sebagai isyarat melalui jenis-jenis *aizuchi* yang digunakan oleh pendengar.

Penulis juga telah membahagikan *aizuchi* kepada beberapa kumpulan seperti *aizuchi* berganda, *aizuchi* pengulangan dan *aizuchi haa* serta *hoo*. *Aizuchi* berganda, serta *aizuchi hai* dan *naruhoodo* juga mempunyai fungsinya yang tersendiri di mana *aizuchi* berganda menunjukkan tahap ‘kefahaman’ atau ‘persetujuan’ yang lebih mendalam sedangkan *aizuchi hai* dan *naruhoodo* bertindak sebagai lampu kuning untuk memberi peringatan kepada penutur semasa agar berhenti atau melepaskan giliran pada masa yang sesuai.

Aizuchi haa dan *hoo* pula turut memberitahu secara tidak langsung perasaan sipengujarnya (iaitu pendengar) kepada penutur semasa. Walau bagaimanapun ‘perasaan’ atau ‘sikap’ pendengar terhadap ujaran penutur semasa adalah tidak penting bagi penutur semasa kerana fungsi *aizuchi* adalah sebagai pelincir bagi meneruskan perbualan. Lagipun pendengar boleh memberitahu sikap dan pendapatnya selepas penutur semasa berhenti meneruskan ujaran.